



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	10/10/2019	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

PEKA desak kerajaan pinda Akta Perhutanan

KUALA LUMPUR - Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) mendesak kerajaan meminda Perlembagaan Persekutuan berkaitan perhutanan dan Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) bagi memastikan hutan negara dapat dilindungi dan pembangunannya terus mampan.

Presidennya, Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, peruntukan sedia ada sudah lapuk dan tidak dapat menangani perkembangan semasa dalam isu kesalah terhadap alam semula jadi.

"Pindaan terakhir hanya dilakukan pada 1993. Khazanah alam semula jadi di Malaysia semakin pupus dan kita sebagai insan yang diamanahkan ALLAH SWT sebagai penjaga alam ini bakal menerima padah sekiranya tidak mengambil inisiatif melindungi pemberian-NYA," katanya kepada *Bernama* di sini semalam.

Menurutnya, di bawah undang-undang sedia ada,



SHARIFFA SABRINA

kuasa Pihak Berkuasa Negeri juga sangat luas.

Maka, katanya, adalah menjadi suatu keperluan untuk meminda dan mengimbangi kuasa Pihak Berkuasa Negeri bagi menjaga kelestarian alam sekitar yang semakin terancam.

"Cadangan pindaan ini juga diharap dapat menangani dua isu utama dalam akta sedia ada iaitu hukuman dan/atau denda yang sudah lapuk dan tidak relevan buat masa sekarang bagi menghukum pesalah alam sekitar.

"Ini perlu untuk diterima bagi menangani isu pembalakan haram yang

semakin menjadi-jadi. Melalui cadangan pindaan ini, kita dapat menghantar mesej moral kepada rakyat bahawa kesalah terhadap khazanah alam sekitar merupakan suatu jenayah yang serius dan tidak wajar dipandang mudah," tegasnya.

Beliau mencadangkan agar pelaku jenayah alam sekitar antara lain didenda sehingga RM10 juta dan hukuman penjara dari lima hingga 30 tahun.

Selain itu, Shariffa Sabrina juga mencadangkan agar kerajaan pusat membayar pampasan balak kepada kerajaan negeri yang mengutip hasil negeri melalui aktiviti pembalakan.

"Sebagai contoh, jika negeri itu mengutip hasil sebanyak RM100 juta setahun hasil pembalakan, maka kerajaan perlu membayar pampasan itu supaya negeri tersebut tidak lagi menjalankan aktiviti membalak.

"Ia sebagai langkah sementara sehingga pindaan akta perhutanan itu dapat dilaksanakan," katanya.